

Akhbar jawi tidak boleh dibiarkan berkubur— Hishammuddin

KUALA LUMPUR 14 Nov. – Akhbar jawi *Utusan Melayu* yang satu ketika dulu menjadi lidah perjuangan bangsa tidak boleh dibiarkan terkubur kerana ia adalah lambang sejarah gemilang tradisi persuratan Melayu.

Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, penutupan akhbar itu untuk seketika sebelum ini merupakan satu tragedi.

“Saya menganggap ia merupakan satu tragedi dalam sejarah keilmuan bahasa Melayu kerana jika berkuburnya tulisan jawi, maka akan berakhir satu sejarah gemilang tradisi persuratan orang Mela-

Uu - 15/11/2006
yu,” katanya dalam ucapan dasar pada Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Justeru, katanya, tulisan jawi yang merupakan skrip budaya Melayu wajar terus dibudayakan.

Tegas beliau, Kementerian Pelajaran, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan serta Kementerian Penerangan akan terus berpadu tenaga untuk menyemarakkan perjuangan mempertahankan *Utusan Melayu* yang kini menjadi akhbar jawi mingguan yang diterbitkan setiap Isnin melalui sisipan dalam akhbar rumi *Utusan Malaysia*.

Tegasnya, jika akhbar itu dibiarkan berkubur, maka akan terputus langsung hubungan unik antara tulisan orang Melayu dengan teras agamanya iaitu bahasa Arab yang menjadi asas tulisan jawi itu.

“Alhamdulillah, atas kesedaran segera untuk menyelamatkan akhbar *Utusan Melayu*, maka inisiatif untuk menghidupkan semula akhbar tersebut menjadi kenyataan walaupun buat masa ini ia diterbitkan seminggu sekali.

“Malah melalui program J-Qaf, anak-anak kita sedang dan akan dilatih untuk menguasai tulisan jawi sebelum mereka menamatkan pelajaran di peringkat rendah,” katanya.